

PT3 SEJARAH (KSSM) FORMAT TERBARU
TINGKATAN 3 - MENGIKUT BAB

Soalan-Soalan Bahagian C Terpilih

TINGKATAN 3 BAB 1 KEDATANGAN KUASA BARAT

Soalan 1

Negeri-negeri Melayu, Sarawak dan Sabah kaya dengan bahan mentah dan kawasan pasaran menyebabkan kuasa-kuasa Barat berlumba-lumba untuk menakluki tanah jajahan demi kepentingan ekonomi mereka.

- (a) **Perkembangan di Barat pada abad ke-19 dan ke-20 telah membawa kesan kepada kawasan Alam Melayu. Terangkan faktor-faktor kuasa Barat datang ke negara kita pada abad ke-19 dan ke-20.** [6 markah]

- F1 Perkembangan industri kereta meningkatkan permintaan terhadap getah asli
- F2 Negara kita mempunyai tanah yang subur untuk pertanian
- F3 Industri rnengetin makanan meningkatkan permintaan terhadap bijih timah
- F4 Pembukaan Terusan Suez mempercepatkan urusan perdagangan
- F5 Ciptaan kapal wap membolehkan penghantaran barang dagangan secara mudah dan murah
- F6 Persaingan kuasa Barat untuk meluaskan tanah jajahan mereka
- F7 Ciptaan telegraf menyebabkan penglibatan Tanah Melayu dalam perdagangan antarabangsa semakin penting
- F8 Slogan Beban Orang Putih digunakan untuk menjustifikasikan peluasan kuasa

- (b) **"British telah menggunakan pelbagai strategi untuk menguasai negara kita." Buktikan pernyataan tersebut.** [10 markah]

- F1 Strategi manipulasi**
- F2 Menduduki Singapura dengan mengiktiraf Tengku Hussein sebagai Sultan Johor
- F3 Strategi tipu helah**
- F4 Menduduk Pulau Pinang setelah Francis Light berbohong kepada Sultan Kedah
- F5 Strategi pakatan**
- F6 Menguasai Melaka dengan berpakat dengan Belanda dalam Perjanjian Inggeris Belanda 1824.

F7 Strategi ugutan / desakan

F8 Mendesak Sultan Selangor menerima perlindungan (berikutan peristiwa serangan lanun ke atas kapal dagang British di Kuala Langat dan serangan ke atas Rurnah Api di Tanjung Rachado)

F9 Strategi perjanjian

F10 British campur tangan di Perak melalui Perjanjian Pangkor 1824

F11 Strategi pajakan

F12 British menguasai Sabah melalui pajakan dan pemberian Piagam Diraja kepada SBUB

F13 Strategi serangan fizikal

F14 British memelihara kuasanya di Nanning dengan menyerang Penghulu Dol Said


(c) **Sebagai seorang pemimpin negara, apakah langkah-langkah yang dapat anda lakukan bagi menghadapi strategi British untuk menguasai negara kita?** [4 markah]

- F1 Menyatupadukan rakyat
- F2 Mentadbir dengan adil dan saksama
- F3 Sentiasa berwaspada terhadap kuasa luar
- F4 Mengukuhkan ekonomi negara
- F5 Wewujudkan kestabilan dalam negeri
- F6 Menanamkan semangat patriotisme pada rakyat

TINGKATAN 3 BAB 2 PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI SELAT

SOALAN

Ilustrasi berikut menunjukkan perjanjian yang ditandatangani antara Stamford Raffles dengan Temenggung Abdul Rahman berkaitan pertapakan British di Singapura.



(a) **Bagi mendapatkan pengesahan Sultan Johor terhadap perjanjian tersebut, Stamford Raffles telah berjaya memanipulasikan isu pewarisan takhta Kesultanan Johor Riau.**
Mengapakah timbul isu pewarisan takhta Kesultanan Johor Riau?

[8 markah]

- F1 Sultan Mahmud III mempunyai dua orang putera
 - F2 Putera sulung merupakan Tengku Hussein
 - F3 Putera bongsu ialah Tengku Abdul Rahman
 - F4 Pada tahun 1812, Sultan Mahmud Shah III mangkat
 - F5 Tengku Abdul Rahman hadir semasa pemakaman Almarhum Sultan di Lingga
 - F6 Tengku Hussein tidak dapat menghadiri diri semasa pemakaman Almarhum Sultan Mahmud
 - F7 kerana berada di Pahang ketika itu
 - F8 Tengku Abdul Rahman dilantik sebagai Sultan Johor Riau
 - F9 Mendapat pengiktirafan orang Bugis dan Belanda
 - F10 Tengku Hussein berundur dan menetap di Riau setelah diketepikan
- [Maksimum 8 markah]

- (b) **Setelah berjaya menduduki Singapura, British mengambil langkah mengukuhkan kuasanya di Singapura melalui beberapa perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman. Huraikan perjanjian tersebut.** [8 markah]

- F1 Perjanjian antara Stamford Raffles dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman pada 6 Februari 1819
- F2 Petempatan British di Singapura diiktiraf
- F3 British menaikkan bendera Union Jack di Singapura pada 13 Februari 1819
- F4 William Farquhar dilantik sebagai Residen Singapura yang pertama
- F5 Perjanjian antara Residen Singapura, John Crawfurd dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman pada 2 Ogos 1824
- F6 Singapura diserahkan kepada British buat selama-lamanya
- F7 Sultan dan Temenggung hilang kedaulatan ke atas Singapura
- F8 Sultan dan Temenggung diberikan bayaran pampasan dan pencen bulanan seumur hidup


- (c) **Tindakan Stamford Raffles memanipulasikan isu pewarisan takhta menyebabkan Kesultanan Johor Riau memiliki dua orang sultan. Keadaan ini boleh menjejaskan perpaduan rakyat Johor. Apakah pengajaran yang dapat anda pelajari daripada peristiwa tersebut?** [4 markah]

- F1 Persengketaan membuka ruang kepada manipulasi kuasa luar
 - F2 Sentiasa berwaspada terhadap muslihat kuasa luar
 - F3 Penting mematuhi warisan budaya
 - F4 Bertolak ansur demi kepentingan negara
 - F5 Sentiasa mempertahankan keistimewaan yang sedia ada
- (Mana-mana jawapan munasabah)
[Maksimum 4 markah]

TINGKATAN 3 BAB 3 PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU

SOALAN

Peta berikut menunjukkan kawasan perlombongan bijih timah di Perak pada abad ke-19.



(a) Jelaskan peringkat kegiatan melombong bijih timah pada abad ke-15.

[4 markah]

- F1 Diusahakan oleh orang Melayu di lembah Sungai
- H1 diusahakan seawal abad ke-15
- F2 Melombong untuk kegunaan tempatan
- F3 Perdagangan bijih timah di bawah pengawasan pembesar Melayu
- H3 pembesar Melayu sebagai pemilik lombong yang membekalkan semua keperluan perbelanjaan
- F4 Pembesar Melayu memperoleh kawasan pegangan melalui surat tauliah
- F5 Sultan menerima bahagian daripada hasil perdagangan bijih timah

[Maksimum 4 markah]

(b) Huraikan secara ringkas perkembangan perlombongan bijih timah pada abad ke-16 hingga ke-17.

[8 markah]

- F1 Terkenal dengan hasil bijih timah sejak zaman Kesultanan Perak
- F2 Perlombongan bertumpu di kawasan sepanjang Sungai Perak
- F3 Pada tahun 1616, bijih timah mula dilombong di Manjung dan Beruas
- F4 Perak merupakan pelabuhan utama yang menghasilkan bijih timah
- F5 Perak sering dikunjungi pedagang Portugis

- F6 Kekayaan Perak menyebabkan Aceh menjadikan Perak sebagai negeri naungannya
 - F7 Menggunakan bijih timah sebagai bahan bernilai
 - F8 Kawasan perlombongan di sekitar Kuala Kangsar dan Kelian Intan
 - F9 Perak mendapat perlindungan Portugis setelah Perak dikuasai oleh Aceh
- [Maksimum: 8 markah]

(c) **Pada pendapat anda, mengapakah bijih timah penting kepada penjajah pada masa tersebut?** [8 markah]

- F1 Mengaut keuntungan
 - H1 sumber kekayaan penjajah
 - F2 Sumber ekonomi penjajah
 - F3 Memenuhi keperluan di negara mereka
 - H3 menghasilkan barangan untuk dicksport
 - F4 Memenuhi permintaan di Eropah
 - F5 Keperluan semasa Revolusi Perindustrian
 - H5 mendapat permintaan yang tinggi di Eropah
 - F6 Perusahaan mengetin di Eropah
 - F7 Tiada sumber bahan mentah seperti bijih timah di negara mereka
 - F8 Permintaan tinggi di Eropah
 - F9 Menjana ekonomi melalui perusahaan bijih timah
 - H9 meningkatkan lagi pasaran eksport kepada negara lain
(Mana-mana jawapan yang munasabah)
- [Maksimum 8 markah]

TINGKATAN 3 BAB 4 PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU

SOALAN

Negeri-negeri utara Tanah Melayu merupakan penampan usaha kuasa-kuasa Barat lain untuk campur tangan.

(a) **Jelaskan usaha kemaraan kuasa-kuasa tersebut.** [4 markah]

- F1 Jerman berusaha untuk mendapatkan Langkawi
- F2 Amerika Syarikat berhasrat meluaskan pengaruhnya di Terengganu
- F3 Perancis berminat meluaskan kuasa ke Segenting Kra
- F4 Rusia ingin membuka petempatan di Ujung Salang

(b) **Terangkan usaha British ke arah Perjanjian Bangkok 1909.** [8 markah]

- F1 Negeri Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan Siam
- H1a Perils, Kedah, Kelantan dan Terengganu
- H1b Bagi Siam, negeri-negeri ini di bawah naungannya
- H1c Dikehendaki menghantar bunga emas dan perak setiap tiga tahun sekali
- H1d Tanda pertuanan Siam
- H1e Kepatuhan kepada kuasa Siam
- H1f Negeri-negeri ini menganggap penghantaran sebagai tanda persahabatan
- F2 Pengaruh Siam ke atas negeri-negeri ini kurang menyenangkan British

- H2 Matlamat British memastikan laluan perdagangan antara India dan China dalam keadaan selamat
 - F3 Menyedari konfrontasi secara bersemuka akan merugikan
 - H3a British menggunakan strategi perjanjian bagi meluaskan kuasa
 - H3b Sejak tahun 1826, terdapat beberapa siri perjanjian melibatkan British dan Siam
 - H3c Menyentuh hal ehwal negeri-negeri Melayu
 - F4 Perjanjian diakhiri dengan Perjanjian Bangkok 1909
 - H4 Membolehkan British meluaskan kuasa di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu
- [Maksimum 8 markah]

(c) **Andaikan anda seorang pemimpin pada ketika itu. Bagaimanakah tindakan anda untuk menghadapi kemaraan kuasa-kuasa luar?** [8 markah]

- F1 Mengukuhkan sistem pertahanan negara
 - F2 Mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat
 - F3 Memodenkan sistem pentadbiran negara
 - F4 Mengadakan perjanjian persahabatan dengan kerajaan serantau
 - F5 Menjalankan dasar tolak ansur
 - F6 Berani mempertahankan hak
 - F7 Mengutamakan perundingan
 - F8 Tidak mudah berpuhas asa
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)
[Maksimum 8 markah]

TINGKATAN 3 BAB 5 PENTADBIRAN BARAT DI SARAWAK DAN SABAH

SOALAN 5

Walaupun Dinasti Brooke di Sarawak dan SBUB di Sabah bermatlamat menguat keuntungan, namun, mereka tetap menghormati dan mempertahankan masyarakat peribumi.

(a) **Huraikan pengkalan pembesar tempatan di Sarawak.** [6 markah]

- F1 Dinasti Brooke melibatkan kalangan pembesar tempatan
- F2 Dasar ini digunakan bagi mengisi kekurangan pegawai-pegawai Eropah yang jumlahnya kecil
- F3 Penglibatan orang tempatan seperti kalangan Datu, iaitu Datu Patinggi, Datu Bandar, Datuk Temengung serta
- H3a Dua jawatan baharu iaitu Datu Imam dan Datu Hakim
- F4 Ketika zaman Charles Vyner Brooke, beberapa gelaran diwujudkan iaitu Datu Menteri, Datu Pahlawan, Datu Bentara dan Datu Amar
- F5 Para pembesar tidak lagi dibenarkan mengutip cukai

H5a sebaliknya diberikan gaji
H5b dan peranan membantu pentadbiran
F6 Mengekalkan semua undang-undang tempatan dan adat
H6 yang tidak bercanggah dengan sistem barat

(b) Huraikan pengkelan Institusi peribumi di Sabah. [6 markah]

F1 Bagi menjamin kecekapan dan pentadbiran yang baik, SBUB membahagikan ketua-ketua peribumi kepada kategori ketua yang diakui dan yang tidak diakui.
F2 Ketua Anak Negeri yang diakui diserapkan ke dalam sistem pentadbiran SBUB
H2a dan dibayar gaji
H2b sementara Ketua Anak Negeri yang tidak diakui tidak dibayar gaji
F3 Institusi peribumi yang utama ialah Institusi ketua Anak Negeri, Ketua Kampung (Orang Tua) dan Mahkamah Anak Negeri
H4a serta mengutip cukai kepala
H4b dan mentadbir keadilan
F5 Ketua Anak Negeri yang juga digelar Orang Kaya-kaya (O.K.K)
H5 membantu Pegawai Daerah menjalankan pentadbiran pada peringkat daerah.
F6 Ketua Anak Negeri juga dilantik menjadi hakim di Mahkamah Anak Negeri
H6a Bertugas dalam menjaga keamanan daerah mereka
H6b Memungut cukai
H6c Mengurus pentadbiran pengadilan (pembantu majistret)

(c) Bagi memastikan wujud keamanan, Dinasti Brooke di Sarawak dan SBUB di Sabah telah melaksanakan pentadbiran berasaskan kaum.

(i) Bincangkan sistem pecah dan perintah di Sarawak. [6 markah]

F1 Tiga kategori masyarakat dikelompokkan, iaitu Melayu, Iban dan Cina
F2 Orang Melayu dalam pentadbiran
H2a Orang Cina dalam ekonomi
H2b Orang Iban dalam keselamatan dan ketenteraan
F3 Charles Brooke mewujudkan jawatan tertinggi masyarakat Iban, iaitu Temenggung
F4 Bagi orang Cina diwujudkan jawatan Kapitan dan Kangcu

(ii) Bincangkan pentadbiran berasaskan peribumi di Sabah. [6 markah]

F1 Ketua-ketua etnik berperanan dan dipilih berdasarkan personaliti
H1 kepakaran
F2 Memberi kesan kepada pentadbiran kerajaan peringkat tempatan
F3 Pentadbir dikenali sebagai Penolong Pegawai Daerah

TINGKATAN 3 BAB 6 KESAN PENTADBIRAN BARAT TERHADAP EKONOMI DAN SOSIAL

SOALAN 7

Pernyataan berikut berkaitan dengan langkah yang telah dilakukan oleh British di negara kita.

Memperkenalkan undang-undang tanah.

(a) **Mengapakan Akta Tanah Simpanan Melayu diluluskan pada tahun 1913?**
[4 markah]

- F1 Residen boleh mengisytiharkan mana-mana tanah dalam sesebuah negeri sebagai hak orang Melayu
 - F2 Tidak boleh dijual
 - F3 Tidak boleh dipajak gadai
 - F4 Tidak boleh dipindah milik kepada orang bukan Melayu
 - F5 Melindungi kepentingan ekonomi British
 - F6 Kebanyakan tanah tersebut tidak subur
 - F7 Tidak sesuai untuk kegiatan ekonomi pertanian
 - F8 Tidak sesuai untuk ekonomi dagangan
- [Maksimum 4 markah]

(b) **Bagaimanakah tindakan yang telah dilakukan oleh British terhadap peraturan tanah di Sarawak?**
[8 markah]

- F1 Land Order 1931
 - H1a Memperuntukkan hak milik tanah simpanan peribumi
 - H1b Melindungi kepentingan masyarakat peribumi daripada dicerobohi kaum pendatang
 - H1c Membuka tanah untuk pertanian
- F2 Tahun 1933, Land Settlement Order dikuatkuasakan
 - H2a Melindungi masyarakat peribumi
 - H2b Menjadi rujukan bagi pelaksanaan Land Order 1948
- F3 Tanah Sarawak dibahagikan kepada kawasan
 - H3a Kawasan tanah campuran
 - H3b Kawasan tanah peribumi
 - H3c Kawasan tanah simpanan
 - H3d Kawasan tanah adat peribumi
 - H3e Kawasan tanah pedalaman

(c) Penggunaan tanah secara bijaksana membawa kemajuan negara dalam bidang ekonomi.

Bincangkan.

[8 markah]


- F1 Memajukan tanaman herba
- F2 Mengusahakan tanaman tanah tinggi
- F3 Menjadi pengeksport hasil pertanian
- F4 Menjadi sumber pendapatan rakyat
- F5 Mengurangkan kebergantungan dari negara luar
- F6 Memajukan kawasan tanah yang terbiar
- F7 Menjadi rujukan negara yang lain
- F8 Menarik kemasukan pemodal luar

[Mana-mana jawapan munasabah]

TINGKATAN 3 BAB 7 PENENTANGAN MASYARAKAT TEMPATAN

SOALAN 7

Rajah berikut menunjukkan bentuk penentangan yang dilancarkan oleh masyarakat tempatan terhadap kuasa Barat.



(a) Rentap merupakan salah seorang pemimpin tempatan yang melancarkan penentangan bersenjata terhadap kuasa Barat.

(i) Terangkan latar belakang Rentap.

[4 markah]

- F1 Nama asalnya Libau
 - F2 Rentap bermaksud "Penggoncang dunia"
 - F3 Dilahirkan pada tahun 1800
 - F4 Digelar Raja Ulu dan Raja Darat
 - F5 Pemimpin orang Iban di Sungai Skrang/ Sungai Saribas
 - F6 Melancarkan penentangan terhadap pentadbiran Brooke (di Sarawak)
- [Maksimum 4 markah]

(ii) **Huraikan peristiwa penentangan yang dilancarkan oleh beliau terhadap kuasa Barat.** [6 markah]

- F1 Menyerang kubu Brooke di Nanga Skrang pada tahun 1853
 - F2 Membunuh Alan Lee yang merupakan pegawai James Brooke
 - F3 James Brooke menyerbu kubu Rentap di Sungai Lang pada tahun 1854
 - F4 Rentap berundur ke Bukit Sadok
 - F5 Charles Brooke menyerang Rentap di Bukit Sadok pada tahun 1857
 - F6 Charles Brooke menyerang Rentap di Bukit Sadok buat kali kedua pada tahun 1858
 - F7 Pada tahun 1861, Charles Brooke menyerang Rentap di Bukit Sadok buat kali ketiga
 - F8 Rentap berundur ke Entabai
 - F9 Beliau meninggal dunia beberapa tahun kemudian
- [Maksimum 6 markah]

(b) **Di Perak, Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar Perak melancarkan penentangan dengan mencabar perjanjian. Jelaskan penentangan tersebut.** [6 markah]

- F1 Pada 16 Oktober 1874, Sultan Abdullah dan pembesar Perak mengupah R.C.Woods / peguam dari Pulau Pinang untuk memansuhkan Perjanjian Pangkor
 - F2 Usaha tersebut gagal
 - F3 Beberapa mesyuarat sulit diadakan
 - F4 Bagi membincangkan pakatan menghapuskan J.W.W Birch
 - F5 Pada 2 November 1875, J.W.W Birch diiringi oleh Leftenan Abbott, Mat Arshad dan sepasukan tentera tiba di Pasir Salak
 - F6 Untuk menampal perisytiharan mengambil hak memungut cukai oleh British
 - F7 Dato' Maharaja Lela menggunakan kesempatan tersebut untuk membunuh Birch
 - F8 Birch dibunuh pada 2 November 1875
 - F9 Pada tahun 1877, Dato' Maharaja Lela / Dato' Sagor / Pandak Indut / Siputum dijatuht hukuman gantung sampai mati
 - F10 Sultan Abdullah / Raja Ismail / Ngah Ibrahim dibuang negeri
- [Maksimum 6 markah]

(c) **Rata-rata gerakan penentangan masyarakat tempatan terhadap kuasa Barat berjaya ditumpaskan. Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini berlaku?** [4 markah]

- F1 Penentangan bersifat setempat
- F2 Penentangan tidak meluas ke seluruh negeri
- F3 Sokongan tidak menyeluruh
- F4 Tidak mendapat sokongan daripada pihak istana

- F5 Masyarakat tempatan menggunakan teknologi mudah berbanding kuasa Barat
 - F6 Strategi masyarakat tempatan lemah
 - F7 Kuasa Barat berjaya mengatasi kebangkitan dengan pelbagai strategi
 - F8 Kuasa Barat menggunakan istana untuk memadamkan kebangkitan masyarakat tempatan
- (Mana-mana jawapan munasabah)

TINGKATAN 3 BAB 8 KEBIJAKSANAAN RAJA DAN PEMBESAR MELAYU MENANGANI CABARAN BARAT

SOALAN 8

Sultan Abu Bakar dengan kerjasama Majlis Jemaah Menteri meneruskan pemodenan pentadbiran yang dipelopori oleh Temenggung Daeng Ibrahim.

- (a) **Jelaskan aspek-aspek yang diberikan penekanan dalam usaha pemodenan tersebut.** [4 markah]

- F1 Aspek pentadbiran
 - F2 Aspek kewangan
 - F3 Aspek undang-undang
 - F4 Aspek pelajaran
 - F5 Aspek kesihatan
 - F6 Aspek tanah
 - F7 Aspek polis
 - F8 Aspek tentera
- [Maksimum 4 markah]

- (b) **Terangkan usaha pemodenan yang dilakukan oleh kerajaan Terengganu.** [8 markah]

- F1 Dilakukan bersama oleh Sultan Zainal Abidin III dengan Yang Dipertuan Muda Tengku Muhammad
- H1a Melakukan pembaharuan dan pemodenan dalam bidang pentadbiran
- H1b Menubuhkan Jemaah Mesyuarat Kerajaan
- H1c Menubuhkan Jemaah Menteri sejak tahun 1912
- F2 Penubuhan jabatan-jabatan kerajaan
- H2a Pejabat Setiausaha Kerajaan
- H2b Pejabat Perbendaharaan
- H2c Pejabat Pesuruhjaya Keadilan
- H2d Pejabat Agama dan Pelajaran
- H3e Pejabat Kerja Raya
- H3f Pejabat Pesuruhjaya Hutan

(c) **Usaha pemodenan boleh membentuk negara yang maju.
Beri penjelasan anda.**

[8 markah]

- F1 Memberikan keselesaan kepada rakyat
- F2 Melahirkan warganegara yang berani untuk bersaing
- F3 Memudahkan usaha pembangunan ekonomi
- F4 Menaikkan imej negara
- F5 Mampu menyaingi negara maju yang lain
- F6 Menarik kemasukan pelabur luar
- F7 Melahirkan warganegara yang kreatif dan kritis
- F8 Mewujudkan masyarakat yang berkelas dunia
(Mana-mana jawarjan yang munasabah)